Utusan Borneo : 20 November 2026

Buruh binaan mengaku kendali mesin judi didenda RM10,000, penjara sehari

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM10,000 dan penjara sehari terhadap seorang buruh binaan yang mengaku bersalah mengendalikan mesin perjudian berupa sebuah telefon bimbit.

Majistret Leona Dominic Mojiliu memerintahkan Julaihi Idris, 37, untuk dipenjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda.

Dia melakukan kesalahan itu sekitar jam 2.30 petang pada 29 Oktober 2026 di sebuah kedai serbaneka di Kenyalang Park di sini.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 4B(a) Akta Rumah Judi Terbuka (ARJT) 1953 yang memperuntukkan hukuman denda minimum RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000 bagi setiap mesin judi dirampas dan boleh dijatuhi hukuman penjara tidak melebihi lima tahun jika sabit kesalahan.

Berdasarkan keterangan kes, ketika Ops Dadu, sepasukan polis membuat intipan selama 15 minit sebelum menyerbu kedai berkenaan, susulan disyaki terdapat aktiviti perjudian dalam talian.

Apabila menyedari kehadiran polis, beberapa pelanggan berjaya melarikan diri, namun polis berjaya menahan Julaihi.

Ketika itu, Julaihi leka bermain judi dalam talian menggunakan telefon bimbit.

Selain menangkap Julaihi untuk tindakan selanjutnya, polis turut merampas sekeping kertas tertera nombor pengenalan dan kata laluan judi dalam talian.

Hasil siasatan mendapati laporan pakar judi mengesahkan telefon bimbit yang digunakan untuk berjudi adalah positif mesin perjudian.

Malah, telefon itu juga telah diserahkan sendiri oleh Julaihi semasa tangkapan.

Siasatan polis juga mendedahkan bahawa Julaihi mempunyai beberapa rekod jenayah lampau membabitkan kes di bawah Seksyen 12(2) dan 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, Seksyen 431A Kanun Keseksaan serta Seksyen 379A Kanun Keseksaan.